

## SAE UMP Chapter dinobatkan pasukan terbaik Shell Eco-Marathon

KUALA LUMPUR 2 Nov. - Pasukan SAE UMP Chapter daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) muncul sebagai Pasukan Malaysia Terbaik pertandingan Shell Eco-Marathon Asia 2012 sekali gus membawa pulang sebuah trofi dan wang tunai bernilai RM10,000.

Naib Presiden Projek dan Teknologi Luar Pesisir Timur Shell, Simon Ong berkata, pasukan itu dipilih panel hakim bebas berdasarkan pencapaian keseluruhan bagi faktor keselamatan dan prestasi teknikal serta kecekapan reka bentuk dan komunikasi sepanjang pertandingan yang berlangsung di ibu negara dari 4 hingga 7 Julai lalu.

Tambahnya, pertandingan itu mencabar pelajar membangunkan kenderaan yang boleh bergerak jauh, mesra alam serta cekap tenaga selain memberi inspirasi kepada pencipta muda dan jurutera membangunkan pendekatan baru selaras mobiliti mapan.

“Dengan peningkatan penduduk serta pembangunan pesat, kita memerlukan lebih tenaga daripada pelbagai sumber bagi mengimbangi ketidakpastian ekonomi dan alam sekitar serta peningkatan bekalan tenaga dalam tempoh 40 tahun akan datang,” katanya dalam kenyataan



**PASUKAN SAE UMP Chapter bersama trofi selepas muncul pasukan terbaik pertandingan Shell Eco-Marathon Asia 2012 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

di sini hari ini.

Beliau berkata, pertandingan tersebut melibatkan 119 pasukan dari 18 negara Asia dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 pasukan dari Malaysia sekali gus menjadi kontinjen terbesar pertandingan tersebut.

“Saya gembira melihat peningkatan berterusan pasukan Malaysia serta berbangga Shell berjaya membuka peluang kepada pelajar meneroka kemahiran dan bereksperimen dengan sains dan teknologi,” katanya.

Jelasnya, cabaran Shell Eco-Ma-

rathon kali ini juga berjaya membangunkan penyelesaian mobiliti yang lebih kreatif dan inovatif.

Malah, katanya, pasukan Malaysia berjaya berfikir di luar kotak dan membina kenderaan di luar ke-laziman sehingga berjaya dinobatkan sebagai pemenang.